

**D.R. 30/93**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen. dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut;

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1993 dan hendaklah disifatkan mula berkuatkuasa pada 17hb Julai 1992.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977, adalah dipinda dalam seksyen 11 dengan menggantikan perkataan "satu" dalam perenggan (2A)(b) perkataan "dua".

Pindaan seksyen 11. Akta 186

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 ("Akta").

2. Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 11 Akta. Mengikut peruntukan perenggan (2A)(b) seksyen 11 yang sedia ada orang yang terkilang sepertimana yang disebut dalam Akta telah diberi tempoh satu tahun untuk merujuk kepada apa-apa anomali bagi maksud

rundingan. Tujuan pindaan ini ialah bagi melanjutkan tempoh satu tahun itu kepada dua tahun.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1787.]